

ABSTRAK

PEMBANGUNAN DAN PENGESAHAN SOAL SELIDIK KEBOLEHAN MENDAPATAKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN BAGI KANAK-KANAK DENGAN PALSI SEREBRUM

Pendahuluan: Perkhidmatan kesihatan pergigian masih tidak dapat dijangkau oleh kebanyakan orang kurang upaya di seluruh dunia termasuk kanak-kanak dengan palsy serebrum (CP). Oleh itu, maklumat mengenai halangan untuk mencapai perkhidmatan kesihatan pergigian bagi kanak-kanak dengan CP harus diselidiki. Terdapat borang soal selidik mengenai kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan pergigian, namun borang soal selidik ini tidak unik untuk kanak-kanak dengan CP.

Objektif: Membangun dan mengesahkan borang soal selidik "Kebolehcapaian kanak-kanak dengan palsy serebrum ke perkhidmatan kesihatan pergigian" (CP2OHS).

Kaedah dan bahan: Pembangunan dan pengesahan borang soal selidik CP2OHS melibatkan pembangunan item, pengesahan kandungan, pengesahan maklum balas, dan penentuan struktur dalaman. Pembangunan item melibatkan penggabungan hasil tinjauan kajian dan temubual mendalam kemudian diselaraskan dengan kerangka kebolehcapaian ke perkhidmatan kesihatan pergigian. Pengesahan kandungan dilakukan oleh tujuh panel pakar, mereka diminta untuk mengkaji kesesuaian setiap item dengan domain kemudian pengiraan indeks pengesahan kandungan (CVI) dilakukan.

Tiga puluh penjaga kanak-kanak dengan CP yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia terlibat dalam proses pengesahan maklum balas dan diminta untuk menilai kejelasan dan pemahaman item seterusnya pengiraan indeks pengesahan maklum balas (FVI) dilakukan.

Sejumlah 129 penjaga kanak-kanak dengan CP yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dijemput untuk menyertai kajian lapangan kemudian analisis faktor penerokaan dan analisis kebolehpercayaan digunakan untuk menentukan dan memperhalusi domain borang soal selidik CP2OHS.

Keputusan: Dari sejumlah 42 item, 38 item telah mencapai tahap yang memuaskan untuk nilai CVI peringkat Item dengan julat 0.71 - 1.00. Semasa proses FVI 33 item dikekalkan dan mempunyai FVI, peringkat item dengan julat antara 0.83 - 1.00. Model akhir soal selidik CP2OHS dalam Analisis Faktor Penerokaan mempunyai 28 item dengan pemberat faktor > 0.4 dan nilai Cronbach Alpha dalam julat 0.597 – 0.834. Item tersebut dirangkumkan dalam lima faktor iaitu Keupayaan Persepsi, Keupayaan untuk Mendapatkan, Keupayaan untuk Mencapai, Keupayaan untuk Membayar, dan Keupayaan untuk Melibatkan diri dalam perkhidmatan kesihatan pergigian.

Kesimpulan: Borang soal selidik CP2OHS mengandungi 28 item, mempunyai nilai CVI dan FVI yang bagus dan merupakan instrument yang boleh dipercayai dan sah. Oleh itu, proses pengesahan borang soal selidik CP2OHS menunjukkan ia mempunyai kompenen psikometri yang bagus dan boleh membuat penilaian terhadap halangan untuk mencapai perkhidmatan kesihatan pergigian dalam kalangan kanak-kanak dengan CP.

Kata Kunci: Kebolehcapaian, Palsi Serebrum, Skala Pengukur, Perkhidmatan Kesihatan Pergigian, Pembangunan Borang Kaji Selidik